

SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI
Chedet.co.cc
August 29, 2011
By Dr. Mahathir Mohamad

Saya dan isteri saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir Batin kepada semua rakyat Malaysia khususnya kepada muslimin dan muslimat. Kepada yang pulang beraya dikampung halaman, pandulah kenderaan dengan cermat dan kami berdoa agar sampai ke pangkuan keluarga tersayang dengan selamat.

36 Comments

1.

Hajar's Gravatar Hajar

September 5, 2011 at 11:39 pm | [Permalink](#)

Salam YAB & diKasihi Tun,

Saya ingin merujuk kepada cadangan saudara "sudin" seperti di bawah:

///

sudin : September 4, 2011 at 11:17 pm

Jika Tun boleh melapangkan sedikit masa, sudilah kiranya Tun menjemput regular blogger yang sentiasa menyerikan dikebanyakan entry yang Tun siarkan supaya boleh berHari Raya dengan suasana lebih menyenangkan dengan Tun.

Kami akan selalu memeriksa e-mail jika sekiranya terdapat jemputan dari Tun untuk tujuan ini.

///

Tun boleh minta “admin” blog chedet untuk hantar email kepada “bloggers” yang BERTUAH. Tun boleh pilih dalam 50-100 “bloggers” yang paling kerap memberi komen untuk datang berhari raya pada hari Tun ada kelapangan. Kalau Tun jemput, kami mesti datang. Kalau saya dijemput, saya ingin dapatkan tandatangan Tun pada buku memoir Tun. Harap Tun dapat tunaikan hajat kami, peminat-peminat Tun.

Terima kasih Tun.

*** Semoga Allah SWT melindungi Tun sekeluarga. ***

2.

wanmohdshahrulnizam's Gravatar wanmohdshahrulnizam

September 5, 2011 at 5:20 pm | Permalink

Assalam

SalamAidilfitri buat Tun sekeluarga. Semoga terus dikurniakan Allah kesihatan untuk terus menabur buah fikiran demi kepentingan negara.

Suka untuk saya panjangkan kepada Tun isu berkaitan Ops Sikap dan diharap Tun dapat merungkaikan kemusykilan saya.

Ops Sikap mencecah usia ke-24. Statistik kemalangan jika tidak meningkat sekalipun, masih kekal tinggi dengan 1144 kemalangan direkodkan pada hari Ahad 4-Sep-11 (Jln Bandaran 379, Jln Persekutuan 371, Jln Negeri 229, Lebuhraya 99 dan lain2 jalan 66).

Sejauh mana kaedah pelaksanaan Ops Sikap dipandang relevan oleh Tun? Mungkin Tun boleh berkongsi dengan kami tentang strategi yang digunapakai oleh pihak polis ketika Tun sebagai PM.

Sesuatu yang memeranjatkan apabila saya diberitahu oleh sumber yang tidak perlu saya dedahkan, bahawa Ops Sikap hanya tertumpu kepada jalan-jalan tertentu sahaja (PLUS, MTD dan beberapa jalan-jalan lain) sedangkan data yang dilaporkan merupakan rekod daripada semua sumber. Secara teori, data-data ini tidak mewakili hasil sebenar Ops Sikap kerana Ops Sikap hanya meliputi sebahagian kecil jalan-jalan di Malaysia.

Harap mendapat response daripada Tun.

Sekian, wassalam.

3.

hazliana's Gravatar hazliana

September 5, 2011 at 2:51 pm | Permalink

selamat hari raya aidilfitri buat tun dan keluarga.

4.

sudin's Gravatar sudin

September 4, 2011 at 11:17 pm | Permalink

Salam Tun.

Selamat Hari Raya dan mohon maaf jika ada apa2 perkara yang diperkata terhadap Tun dan tanpa pengetahuan Tun yang mungkin salah dan tidak disenangi Tun.

Saya pergi kerumah terbuka Tun hari ini untuk bersalaman terus dengan Tun supaya dapat menyampaikan hasrat seperti diatas, tetapi gagal bersemuka disebabkan bilangan pengunjung yang terlalu ramai.

Saya ingin menyuarkan dua perkara yang sedikit mengecewakan yang dialami ramai

pengunjung tatkala berada di rumah terbuka Hari Raya tahun ini:

1. Pengambilan makanan yang tidak tersusun dan juga sukar menghampakan ramai pengunjung.

2. Terlalu ramai pengunjung yang sangat2 berhajat untuk bersalam dengan Tun tidak kesampaian hajat. Ramai juga diantara mereka membawa memoir Tun "A Doctor In The House" untuk Tun tandatangani menemui kegagalan.

Jika Tun boleh melapangkan sedikit masa, sudilah kiranya Tun menjemput regular blogger yang sentiasa menyerikan dikebanyakan entry yang Tun siarkan supaya boleh berHari Raya dengan suasana lebih menyenangkan dengan Tun.

Kami akan selalu memeriksa e-mail jika sekiranya terdapat jemputan dari Tun untuk tujuan ini.

5.

adlinazman's Gravatar adlinazman

September 4, 2011 at 12:51 pm | [Permalink](#)

Selamat hari raya Tun dan sekeluarga! Maaf zahir dan batin.

6.

Idea's Gravatar Idea

September 3, 2011 at 12:06 am | [Permalink](#)

Selamat Hari Raya Aidilfitri, Tun. Maaf Zahir & Batin.

7.

Oumono Man's Gravatar Oumono Man

September 2, 2011 at 10:05 pm | [Permalink](#)

Selamat hari raya Tun dan sekeluarga!

8.

silenceBoy's Gravatar silenceBoy

September 1, 2011 at 10:44 pm | [Permalink](#)

Salam Aidilfitri Maaf Zahir Batin pada Tun dan isteri. Semoga kesihatan Tun baik dan sejahtera.

9.

aimansp's Gravatar aimansp

September 1, 2011 at 1:57 pm | [Permalink](#)

Tun,

Salam Aidilfitri

Maaf Zahir & Batin

dan

Selamat Menyambut

Hari Kemerdekaan Malaysia

tanah airku yang tercinta.....

10.

sitinur's Gravatar sitinur

September 1, 2011 at 1:41 pm | [Permalink](#)

terima kasih pak det....sbb memendekkan perjalanan saya blik kg...terima kasih di atas segala kerje keras pak det selama jd pm kami...saya hanya mampu mendoakan pak det di atas segala kerje keras pak det selama ini...semoga Allah memberikan balasan terbaik yg tak trmampu difikirkan oleh insan paling genius sekali pn....amin2...

11.

zn's Gravatar zn

September 1, 2011 at 9:24 am | Permalink

Salam dan Selamat Hari Raya Aidilfitri,

Kali ini saya menyambut aidilfitri di perth australia. Saya lihat bagaimana bercelarnya penetapan aidilfitri disini. Ada empat cara penetapan aidilfitri . 1. Penetapan aidilfitri ikut malaysia 2. Ikut indonesia 3. Ikut turki 4. Ikut peristiharan mufti australia. Yang ikut malaysia, indonesia, turki raya aidilfitri jatuh pada selasa , yg ikut mufti raya jatuh pada hari rabu. Saya raya ikut pengistiharan mufti yaitu pada rabu. Alasan saya ialah itulah keputusan masyarakat setempat. Method peristiharan diaustralia ialah berdasarkan moon sighting dan bukannya calculation spt dimalaysia. Tiada peristiharan aidilfitri dilaman web konsulat perth.

Yang mengejutkan saya ialah ramainya kalangan student dari timor tengah yang mengistiharkan aidilfitri pada selasa kerana andaian mereka anak bulan telah kelihatan di malaysia lalu tidak mengikut peristiharan mufti australia. Saya rasa dah 15 tahun malaysia menetapkan ramadan dan aidilfitri menggunakan calculation dan bukannya moon sighting meskipun proses moon sighting itu tetap dibuat dilebih 20 lokasi. Dimalaysia , apabila ramadan bermula kita sudah tahu bila tarikh aidilfitri akan disambut.

Kaedah moon sighting di australia perlu diubah kepada method calculation untuk menyatupadukan umat islam disini. Kenapakah penetapan waktu solat boleh dibuat berdasarkan kepada calculation dan tidak melihat kepada matahari. Oleh itu penetapan ramadan dan aidilfitri juga boleh dibuat berdasarkan kpd calculation.

Kerajaan malaysia melalui embassy dan konsulat di australia disyorkan mengambil inisiatif menganjurkan seminar mengenai penetapan ramadan dan aidilfitri di australia kerana saya dapati penduduk islam di australia memandang tinggi perkembangan dan kemajuan agama islam dimalaysia kerana ramai yang membuat rujukan ke malaysia semasa menetapkan aidilfitri. Saya yakin ramai kumpulan agama islam diaustralia akan menyokong usaha ini. Tiada usaha oleh kerajaan arab terutamanya saudi yg mengambil inisiatif menyatupadukan umat islam disini terutamanya dalam penetapan hari hari perayaan besar umat islam disini.

Sangat sedih apabila pensyarah anak saya menyatakan penetapan tarikh perayaan aidilfitri di australia menjadi senda gurauan dikalangan bukan islam disini. Saya sangat berharap Tuan Konsulat dapat berbuat sesuatu sebelum menjelang Hari Raya Korban lagi 2 bulan

Sila rujuk artikel ini untuk penjelasan lanjut.

<http://www.novavizio.com/ms/kiriman/krisis-anak-bulan>

<http://www.aussiemuslims.net/EidulFitri2011.html>

http://www.aussiemuslims.net/index.php?option=com_content&task=view&id=691&Itemid=56

zn.nordin@gmail.com

Bentley, Perth WA

31 Ogos 2011

12.

Hajar's Gravatar Hajar

September 1, 2011 at 8:09 am | Permalink

Salam YAB & diKasihi Tun,

SELAMAT HARI RAYA AIDIL FITRI kepada Tun sekeluarga. Maaf zahir dan batin. Semoga panjang umur dan sihat sejahtera.

Saya juga ingin ucapkan “Selamat Hari Raya Aidil Fitri” kepada semua bloggers beragama ISLAM yang mengunjungi blog chedet. Saya juga mohon maaf zahir & batin jika ada yang

tersinggung dengan apa-apa yang saya tulis di blog ini.

Terima kasih Tun.

*** Semoga Allah SWT melindungi Tun sekeluarga. ***

13.

MiddleAges's Gravatar MiddleAges

August 31, 2011 at 8:38 pm | [Permalink](#)

Salam Tun & Family,

May God bless us all and may we be permitted to stay in the Garden of Bliss eternally.

Salam Aidilfitri

14.

hazel fei lynn's Gravatar hazel fei lynn

August 31, 2011 at 7:32 pm | [Permalink](#)

Tun, wishing you and family a joyous hari raya. Saw your hari raya address at tv alhijrah and you look well but tired. Take care and wishing you good health and wealth. God bless.

15.

rahim52's Gravatar rahim52

August 31, 2011 at 6:46 pm | [Permalink](#)

Y. A. Bhg Tun@ Saya ambil kesempatan untuk mengucapkan selamat hari raya kepada Tun dan Tun Dr. Siti Hasmah. Semoga Allah SWT berkati setiap usaha Tun untuk bangsa

Melayu dan Negara.

2. Saya sangat sedih dipenghujung bulan Ramadhan ini dikejutkan berita yang tarsiari di Utusan Malaysia yang melaporkan ucapan Mat Sabu, Timbalan Preseden PAS. Beliau dilaporkan sebagai berkata anggota-anggota polis yang mempertahankan Balai Polis Bukit Kepong bukanlah hero sebenarnya. Sebaliknya gerombolan penganas yang termasuklah Mat Indera sebagai hero sebenarnya kerana mereka melawan penjajah British.

3. Sungguh malang sekali bagi bangsa Melayu dan Islam diambang kita akan menyambut aidilfitri dan juga Hari Kebangsaan kita yang ke 54 terdapat pemimpin politik sebuah Parti politik Melayu masih mempertikai asas sejarah Negara dan meminta seolah-olah buku sejarah Negara ditulis sexual untuk memberi pengiktirafan kepada pemimpin PKM yang banyak mendatangkan kecelakaan kepada pasukan keselamatan dan orang awam.

4. Kita tidak perlu menilai semula sejarah Negara kerana PKM adalah bermatlamat merampas kuasa untuk menubuhkan sebuah negara komunis yang mendapat sokongan material dari blok komunis seperti negara Cina. Kita lihat sahaja apa yang terjadi kepada negara-negara Islam yang berada dibawah empayar Soviet Russia. Kalau itu tidak dapat perbandingan maka saya berpendapat pemimpin seperti Mat Sabu, sekiranya betul apa yang dicakapkan seperti di laporkan oleh Utusan, sewajarnya bertaubat dan memohon maaf kepada bangsa Melayu. Jiwa patriotic saya kepada Negara dan sebagai orang Islam tidak boleh menerima orang yang memberi pengiktirafan kepada orang yang memperjuangkan komunisma. Bayangkan apa akan berlaku kepada bangsa Melayu dan Islam di Malaysia hari ini sekiranya PKM berjaya mengalahkan British seperti Vietcong berjaya mengalahkan US di Vietnam.

4. Saya yakin PAS akan mempertahankan Mat Sibu dalam isu ini dan menuduh Utusan sengaja memutar belit fakta ucapan tersebut. Sekiranya ini berterusan, maka ianya sesuatu yang sungguh malang kepada bangsa Melayu. Kita boleh berbeza faham politik tetapi jangan sampai ke peringkat merutuhkan asas tamadun bangsa dan pembentukan Negara. Orang Melayu telah membuat keputusan tepat menolak komunisma walaupun pada masa itu kita masih di bawah penjajah British dan memilih merdeka secara perundingan serta menerima sistem demokrasi yang memberikan perlindungan kepada kepentingan penduduk pribumi dengan memberi kelonggaran kepada penduduk imigran mendapat kerakyatan sepenuhnya. Ini adalah asas yang membentuk negara kita Malaysia dan telah berjaya ketahap ini.

Sebarang usaha memberi pengiktirafan kepada PKM adalah perbuatan kianat kepada perjuangan bangsa Melayu.

Iklas,

rahim

Peiseh's Gravatar Peiseh

August 31, 2011 at 6:44 pm | [Permalink](#)

Salam Bahagia Tun,

Saya dan seisi keluarga mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Fitri kepada Tun dan seisi keluarga, dan Semoga Tun dan Sekeluarga semua sihat dan senyum-senyum selalu.

Moga suatu hari nanti, kita dapat bertemu dan saya sempat mendapatkan autograph daripada Tun diatas buku memoir Tun.

Salam Bahagia Tun.

17.

Pn Abbas's Gravatar Pn Abbas

August 31, 2011 at 12:00 pm | [Permalink](#)

Assalamualaikum Tun dan Tun Siti. Kami lama tak menulis..bukan tidak minat lagi...minat, cuma masa tidak mengizinkan. Apa-apa pun kami bershukor kita semua berpeluang untuk menyambut syawal bersama lagi tahun ini. Alhamdulillah. Selamat Hari Raya Aidil Fitri, semuga Tun berdua sehat sentiasa dan gembira disamping keluarga tercinta.

18.

emma49's Gravatar emma49

August 31, 2011 at 12:47 am | [Permalink](#)

Salam Tun,

lama sudah saya tak mencoret komen2 di blog Tun nie... sempena 1 Syawal, saya ingin

mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan...

“Selamat Hari Raya Aidilfitri dan Maaf Zahir dan Batin...”

Saya ingin memohon maaf atas segala silap dan salah termasuklah jika terlanjur kata dan bahasa di blog Tun ini. Sebagai anak muda banyak yang perlu diperbaiki dan dipelajari, ilmu pon tidak cukup and perlukan banyak tunjuk ajar. Selain itu, perubahan yang baik biarlah secara beransur-ansur... =))

Semoga Tun berdua sentiasa sihat sejahtera dan sentiasa berada dalam Rahmat-Nya... Juga saya tak berkesempatan untuk ke Tuns` open house this year... agak terkilan juga, tapi Insya-Allah moga dapat ketemu di kesempatan yang lain...

Terima Kasih Tun... =))

Emma~~

19.

eanisazman's Gravatar eanisazman

August 30, 2011 at 6:57 pm | [Permalink](#)

Saya sekeluarga mengucapkan Selamat Hari Raya kepada Tun sekeluarga dan semua umat Islam Maaf Zahir Batin. Kalau ada kesempatan ingin juga beraya di rumak terbuka Tun Sabtu ini InsyaAllah. Semoga Tun berbahgia disamping yang tersayang...

20.

noniwahid's Gravatar noniwahid

August 30, 2011 at 4:31 pm | [Permalink](#)

selamat hari raya maaf zahir dan batin.kami beraya di kpg pdg balang sentul.saya di bakrapkan bekas suami(kad kredit,40k)

jadi di berhentikan kerja.bekas suami tinggalakn kami 4 beranak.hidup kesempitan teramat

sgt.minta baitulmal mcm

kehendak.

kalaupun kesempatan,tolong tun beri nasihat.

salam hormat tun sekeluarga.

21.

ramli400's Gravatar ramli400

August 30, 2011 at 3:54 pm | Permalink

Yang dikasihi Tun M sekeluarga,

Selamat Hari Raya Aidil Fitri tahun 1432H

Dengan ingatan tulus ikhlas dari saya sekeluarga.

22.

Bothman's Gravatar Bothman

August 30, 2011 at 3:47 pm | Permalink

Askm Tun suami isteri, rakan2 muslimin & muslimat, mukmin & mukminat, ”
Takaballa'huminna waminkom ” – semoga Allah menerima segala amalan (ibadah) kami dan
kamu sekalian. Selamat Hari Raya Idilfitri, maaf zahir batin. Semoga latihan selama bulan
Ramadhan yg lalu dapat kita semua jayakan terbaik dalam 11 bulan berikutnya, utk dapat
keredhaan Allah SWT insya'allah.

23.

denzuk's Gravatar denzuk

August 30, 2011 at 1:33 pm | Permalink

Selamat hari raya, moga Tun sekeluarga sihat dan selamat hendaknya.

24.

JB_FROM's Gravatar JB_FROM

August 30, 2011 at 12:00 pm | Permalink

Tun,

Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin,

Semoga dipanjangkan umur, diberikan kesihatan yang baik dan rahmat daripada Allah s.w.t.

Sallam

25.

Nikmat's Gravatar Nikmat

August 30, 2011 at 11:30 am | Permalink

Assalamu'alakum warahmatullahi wabarakaatu

Kepda Tuan Guru Dr Mahathir sekeluarga,

Dengan tulus ikhlas diucapkan 'SELAMAT HARI RAYA EIDILFITRI'
TaqabalALLAHU minkum

26.

milshah's Gravatar milshah

August 30, 2011 at 10:44 am | Permalink

Selamat Hari Raya dan Maaf Zahir Batin kepada Tun Seisi keluarga dan warga chedet...

27.

HBT456's Gravatar HBT456

August 30, 2011 at 7:55 am | Permalink

Good morning Tun,

Saya dan keluarga saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua rakyat Malaysia khususnya kepada Tun dan keluarga, muslimin dan muslimat. Kepada yang pulang beraya dikampung halaman, pandulah kenderaan dengan cermat dan kami berdoa agar sampai ke pangkuan keluarga tersayang dengan selamat.

May all wishes prayed by Tun may be answered by "Allah".

I wish Tun a wonderful Raya Aidilfitri reunion with family members and friends.

Good day, Tun.

28.

mutley's Gravatar mutley

August 30, 2011 at 7:54 am | Permalink

SELAMAT HARI RAYA TUN DAN KELUARGA SEMOGA SEHAT AL-FIAT

29.

azienmat's Gravatar azienmat

August 30, 2011 at 7:48 am | Permalink

Tun, Selamat hari raya maaf zahir batin, banyak tercapak belakang, halalkan makan minum.

30.

mekyam's Gravatar mekyam

August 30, 2011 at 7:04 am | Permalink

Selamat hari raya dan maaf zahir batin, ayahnda Tun Dr Mahathir dan bonda Tun Dr Siti Hasmah yg dikasehi!

31.

camalia's Gravatar camalia

August 30, 2011 at 2:39 am | Permalink

YAB dan dikasihi Tun dan Tun Dr Siti;

Saya ucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri Maaf Zahir Batin kepada Tun berdua.

Dulu semasa Tun menjadi Perdana Menteri, saya dan rombongan tempat kerja saya telah membuat lawatan ke Putrajaya, saya begitu gembira kerana ingin benar hendak bertemu dan melihat Tun dari dekat tetapi sayangnya kebetulan Tun berada di luar negara pada masa itu, tetapi walau bagaimana pun saya rasa bersyukur dan berbesar hati kerana selepas itu boleh dikatakan setiap tahun saya menerima kad ucapan Selamat Hari Raya dari pejabat Tun dimana tercatat tandatangan Tun disana, walaupun hari ini saya sudah tidak menerima lagi kad ucapan daripada Tun setelah Tun meletak jawatan tetapi kenangan dan kad ucapan Selamat Hari Raya dari Tun tetap saya simpan hingga ke hari ini.

Wassalam...

32.

ibrahim's Gravatar ibrahim

August 30, 2011 at 2:06 am | [Permalink](#)

Tun,

Selamat Hari Raya dan Hari Merdeka...

Semoga sihat dan dirahmati Allah selalu.

33.

katrina's Gravatar katrina

August 30, 2011 at 1:41 am | [Permalink](#)

Dengan ucapan Tulus Ikhlas

Kepada Tun dan keluarga

SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI

34.

Onlooker Politics's Gravatar Onlooker Politics

August 30, 2011 at 1:40 am | [Permalink](#)

Tun,

Saya turut berkongsi raya pada Hari Raya Aidilfitri walaupun bukan orang Islam. Saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya dan Salam Sejahtera kepada Tun sekeluarga. Maaf lahiriah Batin.

35.

musato's Gravatar musato

August 30, 2011 at 12:08 am | [Permalink](#)

Assalamualaikum Tun.

Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada Tun dan Tun Siti sekeluarga.

Satu perkara menjengkelkan sekiranya,ucapan hari raya pun ditulis ikhlas dari Tun Mahathir (Prime Minister 1981-2003) dan Tun Siti Hasmah.Sebab semua orang dah tahu.

Saya beraya di kampung.Dan satu perkara yang saya baru tahu adalah,Tuan Saripah cucu kepada Tokku Paloh adalah nyut saya di sebelah tok wan.

Adalah satu penghargaan untuk saya mengenali susun galur keluarga bila tiba di kampung.Menunaikan solat di masjid bersebelahan dengan makam.

Sebagaimana saya menimba ilmu melalui blog chedet.Ibarat seperti menimba air di perigi.

SELAMAT HARI RAYA.MAAF ZAHIR DAN BATIN.

Terima kasih Tun.

36.

jolly's Gravatar jolly

August 29, 2011 at 11:55 pm | Permalink

May God bless us all.

<http://chedet.cc/blog/?p=584>